

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 MEI 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

Bilangan ketua isi rumah miskin semakin kurang

Bilangan ketua isi rumah miskin semakin kurang

KUALA LUMPUR — Bilangan ketua isi rumah (KIR) miskin tegar yang berdaftar berkurang sebanyak 6,527 iaitu daripada 124,744 kepada 118,217 dalam tempoh 15 Disember 2022 sehingga 15 Mei 2023.

Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib berkata, dalam tempoh tersebut juga, KIR miskin berdaftar turun daripada 304,911 kepada 299,080 iaitu pengurangan sebanyak 5,831 isi rumah.

"Situasi pasaran buruh negara bertambah baik sejak negara memasuki fasa peralihan ke endemik. Kadar pengangguran bagi Mac 2023 telah menurun kepada 3.5 peratus berbanding 5.3 peratus pada Mei 2020.

"Pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada tahun 2022 telah membantu menyokong pemuliharaan dalam pasaran buruh, ia adalah berdasarkan data dinamik e-Kashih seliaan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM)," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Mohd. Syahir Che Sulaiman (**PN-Bachok**) yang ingin tahu mengenai kemajuan yang telah dicapai oleh kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan menghapuskan kemiskinan tegar sejak enam bulan lalu.

Katanya, kerajaan juga kini sedang melaksanakan pelbagai intervensi untuk menstruktur ekonomi negara dengan keperluan ekonomi rakyat bagi menangani kemiskinan.



HANIFAH HAJAR